

# Interpretasi Konsep *Riba al-Fahishah* dalam Era Perbankan Moden: Tinjauan Pandangan Ulama Tafsir Klasik dan Moden

**BITARA**

Volume 7, Issue 3, 2024: 113-124  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 24 June 2024  
Accepted: 26 July 2024  
Published: 15 August 2024

## [*The Interpretation of The Concept of Riba al-Fahishah in The Modern Banking Era: A Review of Classical and Modern Quranic Exegetes' Perspectives*]

Mohamad Khairul Aswad Mohamad Zohari<sup>1</sup> & Mazlan Ibrahim<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
E-mail: khairulzohari@gmail.com; mazib@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: khairulzohari@gmail.com

### Abstrak

Kajian ini meneliti evolusi konsep *riba al-fahishah* dalam tafsir al-Quran, membandingkan perspektif ulama klasik dan kontemporari. Objektif utama adalah untuk menganalisis interpretasi ayat-ayat berkaitan riba, khususnya frasa “*ad’afan muda’afah*” dalam surah Ali-‘Imran ayat 130, dan implikasinya terhadap pemahaman riba dalam konteks perbankan moden. Metodologi kajian melibatkan analisis teks kualitatif terhadap karya-karya tafsir terpilih, termasuk “*Jami’ al-Bayan*” oleh al-Tabari, “*Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*” oleh Ibnu Kathir, “*Al-Muharrar al-Wajiz*” oleh Ibnu ‘Atiyah, “*Ahkam al-Qur’an*” oleh al-Jassas, *Tafsir al-Maraghi*, dan “*Al-Tahrir wa al-Tanwir*” oleh Ibnu ‘Ashūr. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat konsensus tentang pengharaman riba, terdapat perbezaan signifikan dalam interpretasi skop dan aplikasi konsep ini. Ulama klasik al-Tabari dan Ibnu Kathir khususnya menekankan aspek sejarah dan konteks wahyu, Ibnu ‘Atiyah dan al-Jassas memberi tumpuan kepada implikasi hukum. Manakala ulama kontemporari mengintegrasikan analisis mereka dengan isu-isu perbankan semasa. Kajian ini mendapati bahawa interpretasi frasa “*ad’afan muda’afah*” telah berkembang dari penjelasan deskriptif kepada perbincangan normatif tentang etika kewangan, dan mereka secara kolektif cenderung untuk mengkategorikan sebarang penambahan dalam pinjaman, termasuk mekanisme faedah bank kontemporari, sebagai riba yang diharamkan.

**Kata kunci:** *Riba al-fahishah*, tafsir al-Quran, kewangan Islam, ulama klasik, ulama kontemporari, faedah bank

### Abstract

This study examines the evolution of the concept of *riba al-fahishah* in Quranic exegesis, comparing the perspectives of classical and contemporary scholars. The main objective is to analyze the interpretation of verses related to riba, particularly the phrase “*ad’afan muda’afah*” in surah Ali-‘Imrān verse 130, and its implications for understanding riba in the context of modern banking. The research methodology involves qualitative textual analysis of selected exegetical works, including “*Jami’ al-Bayan*” by al-Tabari, “*Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*” by Ibnu Kathir, “*Al-Muharrar al-Wajiz*” by Ibnu ‘Atiyah, “*Ahkam al-Qur’an*” by al-Jassas, *Tafsir al-Maraghi*, and “*Al-Tahrir wa al-Tanwir*” by Ibnu ‘Ashur. The findings reveal that while there is consensus on the prohibition of riba, significant differences exist in the interpretation of the scope and application of this concept. Classical scholars

such as al-Tabari and Ibn Kathīr particularly emphasize the historical aspects and context of revelation, while Ibn ʿAtiyah and al-Jassas focus on legal implications. Contemporary scholars, on the other hand, integrate their analysis with current banking issues. This study finds that the interpretation of the phrase “*adʿafan mudaʿafah*” has evolved from descriptive explanations to normative discussions on financial ethics, and collectively they tend to categorize any increase in loans, including contemporary bank interest mechanisms, as prohibited *riba*.

**Keywords:** *Riba al-fahishah*, Quranic exegesis, Islamic finance, classical scholars, contemporary scholars, bank interest

**Cite This Article:**

Mohamad Khairul Aswad Mohamad Zohari & Mazlan Ibrahim. (2024). Interpretasi Konsep *Riba al-Fahishah* dalam Era Perbankan Moden: Tinjauan Pandangan Ulama Tafsir Klasik dan Moden [The Interpretation of The Concept of *Riba al-Fahishah* in The Modern Banking Era: A Review of Classical and Modern Quranic Exegetes' Perspectives]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 113-124.

## Pengenalan

Dalam era globalisasi ekonomi yang semakin kompleks, konsep *riba al-fahishah* terus menjadi topik perbahasan yang signifikan dan relevan dalam wacana ekonomi Islam. Isu ini bukan sahaja mencetuskan perdebatan di kalangan sarjana Islam, malahan ia juga menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat Muslim yang berhadapan dengan realiti sistem kewangan moden. Hadis riwayat ‘Abu Hurairah yang menyatakan bahawa suatu masa nanti manusia akan terlibat dengan *riba* sama ada secara langsung atau tidak (al-Nasāʿī, 2018), seolah-olah menjadi ramalan yang tepat dalam konteks semasa. Meskipun riwayat ini dianggap *dhaif* oleh al-Albanī (1990), tetapi kenyataan ini mencerminkan realiti kontemporari di mana institusi perbankan telah menjadi tulang belakang dan nadi penggerak aktiviti ekonomi harian masyarakat global, termasuk umat Islam.

Meskipun perkembangan perbankan Islam telah pesat, masih terdapat jurang yang signifikan dalam pemahaman dan aplikasi konsep *riba al-fahishah* dalam konteks moden. Ketiadaan konsensus mengenai definisi dan skop *riba al-fahishah* dalam sistem perbankan kontemporari telah menimbulkan kekeliruan dan kontroversi yang berterusan (Azoitei, 2020). Kajian Karim (2007) menunjukkan bahawa perbezaan interpretasi konsep *riba al-fahishah* masih wujud di kalangan sarjana Islam kontemporari, yang memberi kesan kepada pembangunan produk perbankan Islam.

Fungsi dan peranan yang dipegang oleh institusi perbankan merupakan pengerak ekonomi sesebuah negara bermula daripada penghasilan wang, pengedaran, penyediaan untuk menyokong aktiviti perniagaan, tempat penyimpanan, tempat melakukan pelaburan dan perkhidmatan kewangan lain (Kasmir, 2016). Kepelbagaian fungsi ini telah menimbulkan persoalan yang kompleks mengenai status syariah operasi mereka, dengan sebahagian sarjana Muslim mengkategorikan beberapa aktiviti perbankan sebagai *riba* (El-Gamal, 2006, Karim, 2007; Mannan, 1994; Bhatti & Azmat, 2019).

Secara lebih terperinci, institusi perbankan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan pelaburan pelanggan dan membantu mereka dalam pelbagai transaksi kewangan yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian (Nugraha, 2008).

Keuntungan yang dicapai oleh institusi kewangan, terutamanya melalui aktiviti pemberian pinjaman dan pelaburan yang melibatkan pertambahan nilai ke atas modal asal, telah menimbulkan perdebatan. Sebahagian masyarakat Malaysia menganggap keuntungan sedemikian sebagai satu bentuk riba.

Isu-isu ini secara kolektif membangkitkan keperluan mendesak untuk meneliti semula interpretasi konsep *riba al-fahishah* dalam konteks perbankan moden. Kajian semula ini perlu mengambil kira pandangan ulama tafsir klasik yang telah membentuk asas pemahaman tradisional tentang riba, serta pandangan ulama kontemporari yang berhadapan dengan realiti sistem kewangan global yang kompleks. Usaha ini bukan sahaja penting dari sudut akademik, malahan ia juga kritikal dalam membimbing pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang benar-benar mematuhi syariah, serta dalam memberi panduan kepada umat Islam dalam mengendalikan urusan kewangan mereka dalam dunia moden yang semakin mencabar.

## Definisi *Riba al-Fahishah*

Dari sudut terminologi, riba diertikan sebagai pertambahan pada harta (*ziyadah*) atau disebutkan juga sebagai *fa'idah fahishah* oleh Ibnu Faris (1979), al-Ḥalabī (1996) Isa et al. (2007) dan al-Asfahanī (2009). Dalam istilah hukum Islam pula, riba didefinisikan sebagai sebarang pertambahan (sama ada dalam bentuk tunai, barang atau perkhidmatan) yang mewajibkan pihak yang menerima pinjaman mengembalikan jumlah melebihi daripada jumlah yang dipinjam, berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan untuk membayar balik (Nurjaman & Anwar, 2022).

Riba juga turut dikenali sebagai salah satu inisiatif penyelamatan yang diketengahkan bagi memenuhi keperluan etika dalam ekonomi umat manusia. Menurut Kurniawan (2020), riba merujuk kepada satu sistem urus niaga untuk mendapatkan keuntungan daripada proses pemberian aset yang harus dipulangkan dengan jumlah lebih besar berbanding aset yang diberikan. Sistem ini secara tidak langsung mengeksploitasi pihak yang memerlukan aset sebagai modal dalam mengembangkan perniagaan atau memenuhi keperluan hidup. Apabila aset yang diberikan berserta pertambahannya tidak dapat dipulangkan dalam tempoh yang dipersetujui, jumlah aset yang perlu dibayar balik akan terus meningkat. Justeru, amalan riba dilihat sebagai mengeksploitasi golongan yang memerlukan suntikan dana.

Sementara itu, al-Marāghī (1946) berpandangan bahawa istilah riba yang disebut dalam al-Quran tidak terbatas kepada soal kuantiti sama ada banyak atau sedikit. Menurut beliau, larangan riba dalam Islam merangkumi segala bentuk pertambahan nilai yang diambil daripada urus niaga pinjaman atau hutang tanpa mengira jumlah peningkatannya. Ini bermakna sebarang penambahan nilai di atas jumlah asal yang dipinjam atau dihutang dikategorikan sebagai riba dan tidak dibenarkan dalam Islam, tanpa mengira sama ada pertambahan tersebut besar atau kecil.

## Dalil Pengharaman *Riba al-Fahishah*

Pengharaman *riba al-fahishah* dalam Islam bersandarkan kepada dalil-dalil yang jelas dan kukuh dari al-Quran dan hadith. Al-Quran, sebagai sumber utama syariat Islam, telah menyebut tentang larangan *riba* dalam empat surah yang berbeza, menunjukkan kepentingan isu ini dalam sistem ekonomi Islam. Dalil-dalil utama pengharaman *riba al-fahishah* terdapat dalam empat surah berikut: Surah al-Baqarah ayat 275-279, surah Āli-‘Imrān ayat 130, surah al-Nisa' ayat 161, dan surah al-Rūm ayat 39. Ayat-ayat ini tidak hanya melarang amalan *riba*, malahan ia juga menjelaskan akibat buruk dan hukuman berat bagi mereka yang terlibat dengannya.

Surah al-Baqarah ayat 275-279 secara eksplisit mengharamkan *riba*, membezakannya dengan jual beli yang halal, dan memerintahkan orang-orang beriman untuk meninggalkan segala bentuk *riba*. Allah SWT berfirman: "Orang-orang yang memakan (mengambil) *riba* itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti *riba*". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan *riba*...." (al-Baqarah: 275).

Dalam ayat ini, Allah SWT menyamakan pemakan *riba* dengan orang yang dirasuk syaitan, menggambarkan keadaan mereka seperti orang yang gila atau tidak stabil. Perumpamaan ini menunjukkan betapa seriusnya kesan *riba* terhadap jiwa manusia. Ketamakan yang didorong oleh *riba* digambarkan sebagai suatu bentuk kegilaan, di mana pelakunya dikuasai oleh sifat egoisme dan materialisme yang melampau. Mereka seolah-olah kehilangan kewarasan dalam mengejar keuntungan, sehingga sanggup mengabaikan prinsip-prinsip keadilan dan kemanusiaan. Perbandingan ini juga menunjukkan bagaimana *riba* boleh merosakkan akal fikiran dan jiwa manusia, menjadikan mereka seperti dirasuk oleh keinginan yang tidak terkawal untuk mengumpul harta tanpa mengambil kira kesannya terhadap orang lain dan masyarakat.

Surah Āli-‘Imrān ayat 130 pula memberi amaran tentang *riba* yang berlipat ganda dan menyeru orang-orang beriman untuk bertakwa kepada Allah. Allah SWT berfirman: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memakan *riba* dengan berlipat ganda dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beruntung." (Āli-‘Imrān: 130).

Surah al-Nisa' ayat 161 mengaitkan amalan *riba* dengan kezaliman, manakala Surah al-Rūm ayat 39 menjelaskan bahawa *riba* tidak membawa keberkatan dalam ekonomi. Selain itu, Hadith Nabi Muhammad SAW turut memperkukuhkan larangan ini, seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, di mana Rasulullah SAW melaknat pemakan *riba*, pemberinya, penulisnya, dan saksi-saksinya (al-Naysābūrī, 2011).

Para ulama tafsir klasik seperti Ibnu Kathīr (1999) dan al-Ṭabarī (2001) telah membincangkan ayat-ayat ini secara mendalam, menegaskan bahawa *riba al-fahishah* adalah dosa besar yang membawa kemudaratkan kepada individu dan masyarakat. Kajian kontemporari oleh Farroq et al. (2013) dan Siddiqi (2004) telah menganalisis dalil-dalil ini dalam konteks moden, menunjukkan bagaimana prinsip-prinsip yang sama boleh diaplikasikan dalam sistem kewangan semasa. Pemahaman mendalam terhadap dalil-dalil ini adalah penting untuk membentuk asas yang kukuh dalam pembangunan sistem kewangan Islam yang benar-benar mematuhi syariah dan bebas dari unsur-unsur *riba al-fahishah*.

## Konsep *Riba al-Fahishah* Menurut Ulama Tafsir Klasik dan Kontemporari

Konsep *riba al-fahishah*, yang berakar dalam tafsiran ulama klasik, memainkan peranan penting dalam membentuk pemahaman *riba* yang holistik dalam wacana ekonomi Islam moden. Pendekatan tafsir ulama klasik ini mencerminkan penggunaan teori “*asbab al-nuzul*” (sebab-sebab penurunan ayat) dan “*siyaq al-ayat*” (konteks ayat) dalam memahami *nas* al-Quran. Metodologi komprehensif ini, yang menggabungkan analisis linguistik, “*asbab al-nuzul*”, dan “*siyaq al-ayat*”, membolehkan pemahaman yang lebih nuansa terhadap konsep *riba al-fahishah* dalam konteks sosioekonomi zamannya. Signifikannya, pendekatan ini telah membentuk asas teoretikal yang kukuh bagi ulama kontemporari untuk mengembangkan interpretasi yang lebih relevan dengan realiti ekonomi global semasa, sambil tetap mengekalkan integriti prinsip-prinsip syariah yang fundamental.

Analisis mendalam terhadap interpretasi ulama tafsir klasik seperti Ibnu ‘Atīyah dan al-Jaṣṣāṣ mendedahkan pendekatan multidimensi dalam memahami *riba*, menggabungkan analisis linguistik, konteks *asbab al-nuzul*, *siyaq al-ayat*, dan prinsip usul fiqh. Ibnu ‘Atīyah (2001) dalam “*Al-Muharrar al-Wajīz*” menyediakan analisis linguistik dan “*siyaq al-ayat*” terperinci terhadap frasa “*ad’āfan mudā’afah*” dalam surah Āli-‘Imrān ayat 130, mengklasifikasikannya sebagai “*hal*” dan “*na’at*”. Interpretasi ini membuka dimensi baru dalam memahami mekanisme *riba* yang diamalkan pada zaman jahiliah.

Al-Jaṣṣāṣ (1994) dalam “*Aḥkām al-Qur’ān*” mengembangkan pemahaman ini dengan menekankan konteks “*asbab al-nuzul*”, mentafsirkan ayat tersebut sebagai penerangan latar belakang amalan *riba* zaman jahiliah. Pendekatan ini menunjukkan bahawa beliau memahami ayat tersebut bukan sekadar sebagai larangan, malahan sebagai penerangan komprehensif tentang amalan *riba* yang berlaku. Ini mencerminkan metodologi tafsir yang mengintegrasikan pemahaman “*asbab al-nuzul*” dengan analisis teks..

Aplikasi prinsip *takhsīs* oleh kedua-dua ulama ini dalam memahami ayat-ayat *riba* menawarkan kerangka yang fleksibel namun komprehensif. Ibnu ‘Atīyah (2001) menegaskan bahawa “*wa kullu ma ‘arada al-‘umuma fahuwa takhsīsun minhu*”, menunjukkan bahawa beliau memahami larangan *riba* dalam konteks yang lebih luas. Al-Jaṣṣāṣ (1994) memperluas pemahaman ini dengan menyatakan bahawa larangan dalam surah al-Baqarah ayat 275 merangkumi semua bentuk *riba* (penambahan), tidak terhad kepada amalan spesifik zaman jahiliah.

Metodologi tafsir yang digunakan oleh Ibnu ‘Atīyah dan al-Jaṣṣāṣ, yang menggabungkan analisis linguistik, “*siyaq al-ayat*” dan “*asbab al-nuzul*” dengan pemahaman prinsip usul fiqh, membentuk asas penting dalam pentafsiran ayat-ayat *riba*. Pendekatan ini membolehkan mereka menganalisis frasa “*ad’afan muda’afah*” bukan hanya dari sudut bahasa, bahkan dalam konteks hukum amalan *riba* dalam al-Quran.

Perbincangan ulama tafsir klasik ini membentuk asas teoretikal yang kukuh untuk memahami konsep *riba al-fahishah*, yang merujuk kepada sebarang penambahan (*riba*) dalam transaksi kewangan. Mereka menekankan bahawa larangan *riba* bukan sekadar berkaitan dengan jumlah penambahan, bahkan implikasinya terhadap keadilan sosial dan ekonomi.

Pemahaman mendalam ulama tafsir klasik terhadap *riba al-fahishah* ini menyediakan kerangka konseptual yang penting untuk perbincangan lanjut mengenai isu-isu riba. Pendekatan holistik mereka, yang menggabungkan analisis linguistik, *siyaq al-ayat*, *asbab al-nuzul*, dan prinsip-prinsip usul fiqh, membentuk asas yang kukuh untuk perbincangan seterusnya oleh ulama kontemporari.

Walau bagaimanapun, perkembangan pesat dalam bidang ekonomi dan kewangan global telah mencetuskan paradigma baharu dalam interpretasi *nas-nas* al-Quran berkaitan riba. Ulama tafsir kontemporari, berlandaskan warisan intelektual ulama klasik, telah terdorong untuk menilai semula dan mengembangkan pemahaman tentang konsep-konsep ekonomi dalam al-Quran, khususnya berkaitan *riba al-fahishah*. Usaha ini bertujuan untuk menjambatani jurang antara prinsip-prinsip syariah yang digariskan oleh ulama klasik dengan realiti ekonomi moden yang semakin kompleks. Melalui pendekatan ijtihad kontemporari yang bersepadu, mereka berusaha menyediakan panduan yang lebih relevan dan komprehensif dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa, sambil tetap berpegang teguh pada asas-asas syariah yang telah diletakkan oleh generasi terdahulu.

Manifestasi pendekatan kontemporari ini dapat dilihat dalam karya-karya tafsir moden yang mengembangkan pemahaman lebih nuansa tentang konsep *riba al-fahishah*, khususnya dalam konteks sistem kewangan global. Sebagai contoh, al-Marāghī (1946) dalam karyanya “*Tafsīr al-Marāghī*” mengkritik interpretasi sempit terhadap frasa “*ad’āfan mudā’afah*” dalam surah Āli-‘Imrān ayat 130. Beliau mencabar pemahaman sempit yang menghadkan larangan riba pada pertambahan berlipat ganda sahaja. Melalui analisis linguistik, *siyaq al-ayat* dan *asbab al-nuzul* yang mendalam, al-Marāghī mengemukakan hujah bahawa pengertian kalimah “*ad’āfan*” sebagai sifat (*na’at*) kepada modal pinjaman akan mengubah skop larangan riba, menjadikannya lebih inklusif dan tidak terbatas pada riba yang melibatkan pertambahan nilai modal secara berlipat ganda atau “*mudā’afah*” sahaja.

Di samping itu, al-Marāghī (1946) turut menyanggah pandangan yang menghadkan pemahaman riba kepada *riba al-fahishah*, menegaskan bahawa konsep ini merangkumi sebarang penambahan, sedikit atau banyak. Beliau mengemukakan bukti sejarah, termasuk interaksi antara bangsa Arab dan Ibrani, untuk menyokong pandangan bahawa pemahaman riba dalam masyarakat pra-Islam adalah lebih luas dan tidak terhad pada kefahaman riba berganda sahaja.

Dalam tafsirnya “*Al-Tahrīr wa-al-Tanwīr*”, Ibnu ‘Āshūr (1984) menegaskan bahawa penggunaan istilah “*wa ḥarrama ar-ribā*” dalam al-Quran merupakan kritikan terhadap teori “wang menghasilkan wang”. Beliau menginterpretasikan “*al-riba*” sebagai “*ziyadah*” atau pertambahan yang merujuk kepada amalan eksploitasi dalam transaksi hutang zaman jahiliah. Ibnu ‘Āshūr menekankan bahawa ayat tersebut (al-Baqarah 2:275) bertujuan untuk menghapuskan amalan keji yang diamalkan oleh orang kaya yang menghasilkan harta melalui cara yang tidak adil dan zalim.

Berbeza dengan beberapa ulama klasik yang cenderung menginterpretasikan riba secara literal dan terbatas, Al-Marāghī dan Ibnu ‘Āshūr mempelopori pendekatan yang lebih komprehensif dan holistik. Pendekatan ini mempertimbangkan realiti ekonomi semasa tanpa mengorbankan prinsip asas larangan riba dalam Islam. Kajian Tomisa (2014) dan Abdul Karim et al. (2014) turut menyokong pendekatan komprehensif dan holistik dalam memahami konsep

riba, menekankan kepentingan mempertimbangkan *maqasid syarīah* dalam menginterpretasikan *nas-nas* berkaitan ekonomi.

Kedua-dua ulama ini menekankan bahawa larangan riba merangkumi semua bentuk pertambahan yang bersifat eksploitasi. Mereka menggunakan analisis linguistik, *asbab al-nuzul*, *siyaq al-ayat* dan sosioekonomi moden untuk menyokong interpretasi ini, menunjukkan evolusi pemahaman riba dalam wacana tafsir kontemporari. Al-Marāghī (1946) juga menolak persepsi bahawa faedah bank adalah simbol kemajuan, menegaskan bahawa asas sebenar kemajuan bertitik tolak daripada ajaran Islam yang mulia, dan penyimpangan daripada landasan Islam yang lurus dan berpandukan wahyu merupakan punca sebenar kemunduran, bukan kerana menolak amalan riba dan faedah bank seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Interpretasi ulama tafsir kontemporari ini mencerminkan usaha untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip al-Quran dalam konteks ekonomi moden, sambil mempertahankan nilai-nilai keadilan dan etika dalam sistem kewangan Islam. Ulama tafsir kontemporari telah mengembangkan pemahaman tentang konsep *riba al-fahishah* dalam konteks ekonomi moden, menyediakan perspektif yang lebih komprehensif dan relevan dengan cabaran semasa.

Pentafsiran semula konsep *riba al-fahishah* oleh ulama kontemporari seperti al-Marāghī dan Ibnu ʿĀshūr menyediakan asas teoretikal yang kukuh untuk evolusi sistem kewangan Islam. Walau bagaimanapun, kajian lanjut diperlukan untuk menganalisis keberkesanan aplikasi interpretasi ini dalam menangani isu-isu kewangan kontemporari seperti cryptocurrency, derivatif kompleks, dan model-model pembiayaan alternatif. Penyelidikan masa depan harus fokus pada pengembangan model-model ekonomi yang bukan sahaja mematuhi prinsip syariah secara literal, bahkan mencapai objektif keadilan sosioekonomi yang menjadi teras ajaran Islam.

## **Perbezaan dan Persamaan Konsep *Riba al-Fahishah* Menurut Ulama Tafsir Klasik dan Kontemporari**

Perbandingan dan analisis kritis antara pandangan ulama tafsir klasik dan kontemporari mengenai konsep *riba al-fahishah* menunjukkan evolusi pemikiran yang signifikan dalam memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip ekonomi Islam. Kedua-dua aliran pemikiran ini menyumbang kepada pembentukan kerangka teoretikal yang komprehensif dalam memahami riba, namun dengan pendekatan dan penekanan yang berbeza.

Ulama tafsir klasik seperti Ibnu ʿAṭīyah dan al-Jaṣṣāṣ menggunakan pendekatan yang menggabungkan analisis linguistik, *asbab al-nuzul*, *siyaq al-ayat*, dan prinsip usul fiqh. Mereka menekankan pemahaman frasa “*ad’āfan muḍā’afah*” dalam konteks amalan riba zaman jahiliyah, serta teori “*asbab al-nuzul*” dan “*siyaq al-ayat*”. Pendekatan ini menghasilkan tafsiran yang mendalam tentang mekanisme riba pada zaman tersebut, membentuk asas pemahaman *riba al-fahishah* sebagai sebarang penambahan dalam transaksi kewangan.

Sebaliknya, ulama tafsir kontemporari seperti al-Marāghī dan Ibnu ʿĀshūr mengambil pendekatan yang lebih komprehensif dan holistik, disesuaikan dengan realiti ekonomi moden. Al-Marāghī mengkritik interpretasi sempit “*ad’āfan muḍā’afah*”, menegaskan bahawa larangan riba merangkumi semua bentuk pertambahan, tidak kira besar atau kecil. Ibnu ʿĀshūr pula

menginterpretasikan “*al-riba*” sebagai kritikan terhadap teori “wang menghasilkan wang”, menekankan aspek eksploitasi dalam amalan riba.

Persamaan antara kedua-dua aliran ini terletak pada pengiktirafan mereka terhadap kepentingan konteks dalam memahami *nas* (ayat) al-Quran. Walau bagaimanapun, ulama kontemporari mengembangkan pendekatan ini lebih jauh dengan mempertimbangkan realiti ekonomi global semasa, sesuatu yang tidak wujud pada zaman ulama klasik.

Kekuatan pendekatan klasik terletak pada analisis linguistik, *asbab al-nuzul* dan *siyaq al-ayat* yang mendalam, menyediakan asas yang kukuh untuk memahami konsep riba dalam konteks awalnya. Namun, pendekatan ini mungkin kurang fleksibel dalam menangani isu-isu kewangan moden yang kompleks.

Pendekatan kontemporari, sebaliknya, menawarkan fleksibiliti yang lebih besar dalam mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah kepada realiti ekonomi semasa. Ia membolehkan pentafsiran yang lebih luas dan relevan dengan cabaran ekonomi global. Walau bagaimanapun, pendekatan ini mungkin menghadapi kritikan kerana dianggap terlalu umum oleh sesetengah pihak.

Evolusi pemikiran ini mencerminkan perubahan konteks sosioekonomi dari zaman klasik ke era moden. Ia menunjukkan bagaimana ulama Islam berusaha untuk mengekalkan relevansi prinsip-prinsip syariah dalam menghadapi cabaran ekonomi yang sentiasa berubah. Gabungan kedua-dua pendekatan ini - ketepatan analisis klasik dan fleksibiliti pemikiran kontemporari - menyediakan kerangka yang lebih komprehensif untuk memahami dan mengaplikasikan konsep *riba al-fahishah* dalam konteks ekonomi moden.

## **Adakah *Riba al-Fahishah* Suatu yang Sama dengan Faedah Bank?**

Analisis komparatif terhadap pandangan ulama tafsir klasik dan kontemporari mengenai faedah bank menunjukkan evolusi signifikan dalam interpretasi konsep *riba al-fahishah*. Ulama klasik seperti Ibnu ʿAtīyah dalam “*Al-Muharrar al-Wajīz*” dan al-Jaṣṣāṣ dalam “*Aḥkām al-Qurʿān*”, berdasarkan analisis linguistik, *asbab al-nuzul*, dan *siyaq al-ayat* mereka terhadap *nas-nas* al-Quran, cenderung untuk mengkategorikan sebarang penambahan dalam pinjaman, termasuk faedah bank, sebagai riba (Ibnu ʿAtīyah, 2001; al-Jaṣṣāṣ, 1994).

Metodologi tafsir klasik ini melibatkan beberapa aspek penting yang mencerminkan pendekatan holistik dalam memahami *nas-nas* al-Quran berkaitan riba. Pertama, analisis linguistik yang mendalam terhadap istilah-istilah berkaitan riba dalam al-Quran, seperti “*adʿāfan muḍāʿafah*” dalam surah ʿAlī-ʿImrān ayat 130. Ibnu ʿAtīyah, dalam karyanya “*Al-Muharrar al-Wajīz*”, menganalisis makna secara holistik dan komprehensif frasa ini, menghubungkannya dengan amalan riba pada zaman jahiliah. Beliau menggunakan kaedah *tahlīl lughawī* untuk menguraikan struktur sintaksis dan semantik ayat tersebut, serta mengaitkannya dengan penggunaan istilah yang sama dalam konteks al-Quran yang lebih luas. Kedua, penelitian terhadap “*asbab al-nuzul*” untuk memahami konteks sejarah penurunan ayat-ayat berkaitan riba. Al-Jaṣṣāṣ dalam “*Aḥkām al-Qurʿān*” memberi perhatian khusus kepada riwayat-riwayat yang berkaitan dengan sebab penurunan ayat-ayat riba. Beliau menggunakan



prinsip usul fiqh dalam menganalisis hubungan antara sebab khusus penurunan ayat dengan aplikasi umum hukumnya, mengikut kaedah “*al-’ibrah bi ’umum al-lafz la bi khusus al-sabab*” (pengajaran diambil dari keumuman lafaz, bukan dari kekhususan sebab).

Ketiga, pendekatan “*siyaq al-ayat*” yang digunakan oleh kedua-dua ulama ini melibatkan analisis konteks yang lebih luas. Mereka tidak hanya melihat ayat riba secara terasing, tetapi mengkajinya dalam konteks surah dan tema-tema al-Quran yang berkaitan. Ini membolehkan mereka membina pemahaman yang lebih komprehensif tentang konsep riba dan implikasinya dalam sistem ekonomi Islam.

Keempat, ulama klasik ini juga mengintegrasikan pemahaman mereka tentang riba dengan prinsip-prinsip maqasid al-syariah, walaupun istilah ini belum digunakan secara eksplisit pada zaman mereka. Mereka berusaha untuk memahami objektif di sebalik larangan riba dalam konteks perlindungan harta (*hifz al-mal*) dan keadilan sosial, yang merupakan sebahagian daripada *maqasid al-syarāh*.

Metodologi komprehensif ini membentuk asas yang kukuh untuk perbincangan fiqh muamalat klasik dan terus mempengaruhi wacana kontemporari mengenai sistem kewangan Islam. Pendekatan ini membolehkan ulama klasik membina kerangka teoretikal yang mantap untuk memahami konsep riba, yang kemudiannya menjadi rujukan penting bagi ulama kontemporari dalam menghadapi cabaran ekonomi moden.

Walau bagaimanapun, evolusi pemikiran dalam bidang tafsir dan fiqh muamalat telah membawa kepada pengembangan metodologi ini oleh ulama kontemporari. Mereka menggabungkan pendekatan klasik dengan analisis sosioekonomi moden dan pertimbangan maqasid al-syariah yang lebih eksplisit, membuka ruang untuk interpretasi yang lebih signifikan terhadap konsep riba dalam era kewangan global.

Ulama kontemporari seperti al-Marāghī dan Ibnu ʿĀshūr membawa perspektif yang lebih nuansa, mencerminkan evolusi pemikiran dalam menghadapi realiti ekonomi moden. Al-Marāghī (1946) dalam “*Tafsīr al-Marāghī*” secara eksplisit menolak faedah bank, mengkritik persepsi bahawa ia adalah simbol kemajuan dan menegaskan bahawa penyimpangan dari prinsip-prinsip Islam, termasuk amalan faedah bank, adalah punca kemunduran. Beliau menggunakan pendekatan *tafsīr maqasidi*, menghubungkan larangan riba dengan objektif syariah dalam memelihara keadilan ekonomi dan sosial.

Al-Marāghī menjelaskan bahawa larangan riba bukan sekadar isu teknikal, bahkan berkait rapat dengan prinsip keadilan sosial dalam Islam. Beliau menganalisis implikasi sosioekonomi riba, menunjukkan bagaimana ia boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam masyarakat dan mengeksploitasi golongan yang kurang berkemampuan. Pendekatan ini menggambarkan usaha untuk mengkontekstualisasikan pemahaman riba dalam realiti moden.

Ibnu ʿĀshūr (1984) dalam “*Al-Tahrīr wa-al-Tanwīr*” pula menginterpretasikan larangan riba dalam konteks yang lebih luas, mengkritik teori “wang menghasilkan wang” yang menjadi asas sistem faedah. Analisis beliau menggabungkan pemahaman klasik dengan pertimbangan realiti ekonomi kontemporari, menawarkan perspektif yang lebih holistik. Ibnu ʿĀshūr menekankan pentingnya memahami ʿillah (sebab) di sebalik larangan riba dan bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam konteks ekonomi moden.

Dalam tafsirnya, Ibnu ʿĀshūr membincangkan konsep riba bukan sahaja dari sudut hukum, bahkan dari perspektif etika dan moral. Beliau menganalisis bagaimana larangan riba

bertujuan untuk mewujudkan sistem ekonomi yang adil dan mampan. Pendekatan Ibnu ʿĀshūr ini mencerminkan usaha untuk mengintegrasikan pemahaman klasik dengan realiti ekonomi moden, membuka ruang untuk perbincangan yang lebih mendalam tentang aplikasi prinsip-prinsip syariah dalam konteks kontemporari.

Evolusi pemikiran dari perspektif klasik ke kontemporari mengenai faedah bank mencerminkan cabaran dalam mengaplikasikan prinsip-prinsip Islam yang kekal dalam konteks ekonomi yang sentiasa berubah. Ia menunjukkan keperluan untuk pendekatan yang lebih holistik dan komprehensif dalam memahami dan mengaplikasikan konsep *riba al-fahishah* dalam sistem kewangan moden. Pendekatan ini memerlukan integrasi antara ilmu tafsir klasik, fiqh muamalat, dan analisis ekonomi kontemporari untuk menghasilkan kerangka teoretikal yang signifikan bagi menangani isu-isu kewangan Islam dalam era globalisasi.

Perbezaan pendekatan antara ulama klasik dan kontemporari ini bukan menunjukkan percanggahan, tetapi lebih kepada perkembangan dan pengayaan pemikiran Islam dalam menghadapi cabaran zaman. Ulama kontemporari, sambil mengekalkan asas yang diletakkan oleh ulama klasik, berusaha untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip tersebut dalam konteks moden dengan cara yang lebih relevan dan efektif.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, analisis perbandingan konsep *riba al-fahishah* menurut perspektif ulama tafsir klasik dan kontemporari menunjukkan kesinambungan pemikiran Islam dalam menghadapi isu-isu ekonomi yang kompleks. Walaupun terdapat nuansa dalam interpretasi dan pendekatan, asas pemahaman tentang pengharaman riba kekal konsisten. Ulama dari kedua-dua era menekankan bahawa *riba al-fahishah* bukan sekadar isu teknikal dalam transaksi kewangan, bahkan mencerminkan prinsip keadilan sosial yang fundamental dalam Islam. Evolusi pemahaman ini, dari analisis linguistik, *asbab al-nuzul* dan *siyaq al-ayat* ulama klasik kepada integrasi dengan realiti ekonomi moden oleh ulama kontemporari, menunjukkan dinamisme pemikiran Islam dalam menyesuaikan prinsip-prinsip syariah dengan cabaran semasa. Kajian ini menyerlahkan kepentingan pendekatan holistik dalam memahami konsep *riba al-fahishah*, yang menggabungkan analisis linguistik, konteks ayat - *asbab al-nuzul* dan *siyaq al-ayat* -, dan pertimbangan etika-sosial. Penemuan ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjut tentang aplikasi prinsip-prinsip ekonomi Islam dalam sistem kewangan global yang semakin kompleks, sambil mengekalkan integriti etika dan keadilan sosial yang menjadi teras ajaran Islam.

## Rujukan

- Abdul Karim, Z., Abdullah, N., & Faizah Said, F. (2014). Adakah Saluran Pinjaman Bank Dasar Monetari Relevan? Kajian Data Panel dari Indonesia. *Jurnal Pengurusan*, 40, 151–161.
- Abdul Karim, Z., Abdullah, N., & Faizah Said, F. 2014. Adakah Saluran Pinjaman Bank Dasar Monetari Relevan? Kajian Data Panel dari Indonesia. *Jurnal Pengurusan*, 40, 151–161.
- al-Albanī, Muḥammad Nasiruddīn. 1990. *Dhaīf Sunan al-Nasāʾī Maʿa Baqaʾ al-Sanad*, Beirut: al-Maktab al-Islami.

- al-Asfahanī, al-Raghib. 2009. *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Azoitei, D. C. (2020). Critical analysis of the contemporary application of riba in Islamic banking. *Manchester Journal of Transnational Islamic Law and Practice*, 16(1), 76–94.
- Bhatti, A., Azmat, S. (2019). *Rethinking Islamic Finance: Markets, Regulations and Islamic Law*. London: Routledge.
- El-Gamal, M. A. 2006. *Islamic Finance: Law, Economics, and Practice*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Farooq, A., Fahim, S. M., Anjam, M. Ahmed, R. (2013). Critical Analysis Of Islamic Concept Of Interest. *International Journal of Asian Social Science*, 3(5):1260-1267.
- al-Ḥalabī, Aḥmad ibn Yūsuf ibn ʿAbd al-Dā'im al-Samīn. 1996. *ʿUmdah al-Ḥuffāz fī Tafsīr Ashraf al-alfāz*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Hallaq, W. B. 2019. *Reforming Modernity: Ethics and the New Human in the Philosophy of Abdurrahman Taha*. Columbia: University Press.
- Ibnu Faris, Ahmad. 1979. *Muʿjam Muqāyās al-Luqah*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Ibnu ʿAṭīyah, Abu Muhammad ʿAbd al-Haqq. 2001. *Al-Muharrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-ʿAziz*. ʿAbd al-Salam ʿAbd al-Shafī Muhammad (pnyt). Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibnu Kathīr, Abu al-Fida' Ismaʿil ibn ʿUmar. 1999. *Tafsīr al-Qur'an al-ʿAzim*. Samī ibn Muhammad al-Salamah (pnyt). Ed. Ke-2. Kaherah: Dar Taybah li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
- Iqbal, Z., & Mirakhor, A. 2011. *An Introduction to Islamic Finance: Theory and Practice*. John Wiley & Sons.
- Isa, Fuad Mohd, Zainuddin, Nazri & Zainuddin, Khairil. 2008. *Kamus al-Miftah*. Ed. Ke-2. Kuala Pilah: Al-Azhar Media Enterprise.
- al-Jaṣṣāṣ, Aḥmad ibn ʿAlī Abū Bakr al-Rāzī. 1994. *Aḥkām al-Qur'ān*. ʿAbd al-Salām Muḥammad ʿAlī Shāhīn (pnyt). Edisi Pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Kamali, M.H. 2007. *Sharīah And Civil Law: Towards A Methodology Of Harmonization*. *Islamic Law and Society*, 14, 391-420.
- Karim, Adiwarmans. 2007. *Bank Islam Analisis Fiqih dan Keuangan*. Jakarta: Rajawali Press.
- Kasmir. 2016. *Dasar-Dasar Perbankan*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Kurniawan, Rachmad Risqy. (2020). Praktek Bunga Majemuk Rentenir Dan Larangannya Dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Ulumul Qur'an: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Tafsir*, 10.10, 1–11.
- al-Marāghī, Ahmad bin Mustafa. 1946. *Tafsīr al-Marāghī*. Kaherah: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Ḥalabī wa Awladuh.
- al-Nasā'ī, ʿAbū ʿAbd al-Raḥmān Aḥmad ibn Shuʿayb. 2018. *Sunan al-Nasā'ī al-Mujtabā*. Muḥammad Riḍwān ʿArqasūsī et al. (pnyt). Edisi Pertama. Jil. 7. Kaherah: Dar al-Risalah al-ʿAlamiyyah.
- al-Naysābūrī, ʿAbū al-Ḥusayn Muslim ibn al-Ḥajjāj ibn Muslim al-Qushayrī. 2011. *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ "Ṣaḥīḥ Muslim"*. Muhammad Zuhair al-Nasir et al. (pnyt). Beirut: Dar Tuq al-Najah.
- Nugraha, U. 2008. *Wealth Management*. Jakarta: PT Elex Media Komputindo.

- Nurjaman, M. I., & Anwar, S. (2022). Praktik Riba Dan Bunga Bank: Telaah Etika Dalam Ekonomi Islam. *Al Iqtishod: Jurnal Pemikiran Dan Penelitian Ekonomi Islam*, 10(1), 1–15.
- Nurjaman, M. I., & Anwar, S. (2022). *Praktik Riba Dan Bunga Bank: Telaah Etika Dalam Ekonomi Islam*. Al Iqtishod: Jurnal Pemikiran Dan Penelitian Ekonomi Islam, 10(1), 1–15.
- Siddiqi, M.N. 2004. *Riba, Bank Interest and the Rational of its Prohibition* (Research Paper). Research Papers in Economics.
- al-Ṭabarī, ‘Abū Ja‘far Muḥammad ibn Jarīr. 2001. *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān*. °Abdullah ibn ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī (pnyt). Kaheerah: Dar Hajar lil-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-I‘lan.
- Tomisa, M. E. (2014). Mampukah Akad Syariah Menghindarkan Persoalan Riba. *Iqtishaduna: Jurnal Ilmiah Ekonomi Kita*, 3(2), 850-872.
- Zayd, N. H. A. 1990. *Mafhum al-Nas: Dirasah fī ‘Ulum al-Qur’an*. Beirut: Al-Markaz al-Thaqafi al-‘Arabi.